



Ruj. Tuan :
Ruj. Kami : MITI.S.400-10/15/8 Jld. 3 (42)
Tarikh : 12 Disember 2024

SEGERA MELALUI EMEL

Encik Zahid Ismail

Ketua Pengarah

Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC)

Lorong Produktiviti, Jalan Sultan

46200 Petaling Jaya

SELANGOR

Tuan,

**PENGESAHAN PENYERTAAN PROGRAM DAN AKTIVITI DI PAVILION MALAYSIA,
EKSPLO 2025 OSAKA, KANSAL**

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Sebagaimana tuan sedia maklum, Ekspo Dunia 2025 Osaka akan diadakan dari 13 April hingga 13 Oktober 2025 di Pulau Yumeshima, sebuah pulau buatan manusia di Osaka Kansai, Jepun. Berdasarkan keputusan Jemaah Menteri pada 16 Februari 2022, Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri (MITI) telah diberikan tanggungjawab untuk menyelaras penyertaan Malaysia di Ekspo Dunia 2025 Osaka. Selaku penyelaras, MITI melalui Sekretariat Malaysia Ekspo Dunia 2025 Osaka (Sekretariat) turut bertanggungjawab untuk menyelaras penyertaan Kementerian, Kerajaan Negeri dan Agensi MITI bagi penganjuran program dan aktiviti di Pavilion Malaysia, Ekspo 2025 Osaka, Kansai.

3. Bagi maksud ini, Sesi Libat Urus (SLU) bersama pihak Perbadanan Produktiviti Malaysia telah diadakan pada 30 Ogos 2024 (Jumaat) bagi membincangkan cadangan program dan aktiviti yang akan dianjurkan semasa penyertaan kelak. Cadangan program dan aktiviti telah dimuktamadkan di peringkat Jawatankuasa Penganjur Kebangsaan. Sukacita dimaklumkan bahawa tarikh penyertaan di Ekspo 2025 Osaka, Kansai serta peruntukan yang telah dipersetujui bagi melaksanakan program dan aktiviti yang meliputi perbelanjaan tiket kapal terbang dan penginapan satu (1) orang

petugas pegawai yang akan bertanggungjawab menyelaras program dan aktiviti Perbadanan Produktiviti Malaysia adalah seperti berikut:

Tarikh Penyertaan : 20 hingga 26 April 2025
(Minggu ke – 2)
Jumlah Penyaluran Peruntukan : RM154,000.00
Tajuk Program dan Aktiviti : Seperti di **Lampiran I**

4. Penyaluran peruntukan yang dibuat berdasarkan **Kriteria Umum Kelayakan Penyaluran Peruntukan** sebagaimana **Lampiran II** akan dibuat pada awal tahun 2025 dan tertakluk kepada **Garis Panduan Tatacara Pengurusan Penyaluran dan Penggunaan Peruntukan kepada Kementerian, Kerajaan Negeri dan Agensi bagi Penyertaan Malaysia di Ekspo 2025 Osaka** seperti di **Lampiran III**. Pihak tuan dimohon untuk mengemukakan laporan perbelanjaan kepada pihak Sekretariat sebagaimana yang digariskan di perkara 3.4 garis panduan tersebut.

5. Untuk makluman, Sekretariat juga akan menguruskan penyediaan Pas Akreditasi (*Accreditation Pass*) untuk petugas Kementerian yang akan dikeluarkan oleh Penganjur Ekspo. Sehubungan itu, tuan dimohon untuk mencalonkan satu (1) orang dan maklumat pegawai hendaklah dikemukakan selewat-lewatnya dua (2) bulan sebelum tarikh penyertaan melalui pautan <https://forms.gle/y3M1eHDJZDXNvVWG8>.

6. MITI amat menghargai kerjasama yang diberikan dan amat yakin dengan penyertaan Perbadanan Produktiviti Malaysia di Ekspo 2025 Osaka, Kansai akan dapat memberi impak serta pulangan yang signifikan kepada negara.

Kerjasama dan perhatian pihak tuan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,



(MASTURA AHMAD MUSTAFA)

Timbalan Ketua Setiausaha (Perdagangan)

Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri

merangkap

Pengerusi Jawatankuasa Kerja Pengisian Program dan Aktiviti

Penyertaan Malaysia di Ekspo 2025 Osaka, Kansai

s.k.:

YBhg. Dato' Hairil Yahri Yaacob

Ketua Setiausaha

Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri
merangkap

Pesuruhjaya Jeneral Seksyen Malaysia

YBhg. Datuk Bahria Mohd Tamil

Timbalan Ketua Setiausaha (Pelaburan dan Pengurusan)

Kementerian Pelaburan, Perdagangan dan Industri
merangkap

Pengerusi Jawatankuasa Kerja Pengurusan Kewangan dan Penajaan
Penyertaan Malaysia di Ekspo 2025 Osaka, Kansai

Lampiran I

**SENARAI TAJUK PROGRAM DAN AKTIVITI
PENYERTAAN MINGGUAN PIHAK BERKEPENTINGAN DI PAVILION MALAYSIA**

Nama Organisasi : Perbadanan Produktiviti Malaysia

Tarikh Penyertaan : 20 hingga 26 April 2025
(Minggu ke – 2)

Jumlah Peruntukan : RM154,000.00

No.	Bahagian/ Agensi	Program	Aktiviti
1.	Perbadanan Produktiviti Malaysia	<i>Elevating the Game of Malaysia Digital Solution Providers</i> <i>Energy Efficiency and Renewable Industry in Malaysia: Key Initiatives and Business Opportunities Towards Achieving Net Zero Target.</i> <i>Pocket Talk Series: "Investing in Malaysia's Aging Economy"</i> <i>Aman Seterra Sanctuary International Retirement Village (Langkawi) and KL Wellness City</i> <i>Malaysia's Healthcare Advantages</i> <i>Creating Joint Ventures in the Retirement Sector</i> <i>Formal Agreement Signing between Japanese partner and Seterra Group</i> <i>Sustainable Tourism: Building a Productive Future</i> <i>Showcase Malaysia's Sustainability Efforts and Main Nature-based Tourism Destinations: Potentials, and Opportunities for Travellers and Investors</i> <i>Driving Sustainable Growth: Innovation and Investment in Tourism</i>	<i>Talk/Seminars and Business Matching</i> <i>Pocket Talk, Business Matching</i> <i>Pocket Talk</i> <i>Virtual Tour and Video Showcase</i> <i>Seminar</i> <i>Workshops</i> <i>MOU Signing</i> <i>Pocket Talk</i> <i>Business Matching</i> <i>Focus Group Discussion</i>

PERINCIAN PERUNTUKAN

No.	Bahagian/Agensi	Perkara	Peruntukan Diluluskan
1.	Perbadanan Produktiviti Malaysia	● 1 orang petugas (Tiket kapal terbang, Elaun Harian dan Penginapan)	RM 80,000.00
		● <i>Investing in Malaysia's Aging Economy:</i> ● Penceramah x 3 ● Bahan promosi ● Video	RM 3,000.00 RM 3,000.00 RM 7,000.00
		● <i>Energy Efficiency and Renewable:</i> ● Penceramah x 3 ● Bahan promosi ● Video	RM 3,000.00 RM 3,000.00 RM 7,000.00
		● <i>Elevating the Game of Malaysia Digital :</i> ● Bahan promosi ● Video (Game) x 3	RM 3,000.00 RM 21,000.00
		● <i>Aman Seterra Sanctuary and Malaysia's Healthcare Advantages:</i> ● Penceramah x 2 ● Bahan promosi ● Video	RM 2,000.00 RM 3,000.00 RM 7,000.00
		● <i>Sustainable Tourism: Building a Productive Future:</i> ● Penceramah x 2 ● Bahan promosi ● Video	RM 2,000.00 RM 3,000.00 RM 7,000.00
JUMLAH			RM 154,000.00